

## **BANK ISLAM DAN WAQAF AN-NUR PERKUKUH USAHA PEMERKASAAN KOMUNITI DI JOHOR**

*Manfaat wakaf disalurkan untuk Projek Waqaf Tani Komuniti dan pesakit  
buah pinggang dan anemia*

**PASIR GUDANG, JOHOR, Selasa, [9 September 2025]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) melalui cabang kewangan sosialnya, Sadaqa House, terus memperkuuh usaha pemerkasaan komuniti di Johor dengan kerjasama Waqaf An-Nur Corporation Berhad (Waqaf An-Nur), selaras dengan komitmen terhadap pembangunan inklusif dan kewangan sosial Islam.

Program Santuni Komuniti di Negeri Johor yang dianjurkan bersama Waqaf An-Nur merupakan satu lagi pencapaian penting dalam kerjasama strategik antara kedua-dua organisasi. Sejak tahun 2023, Waqaf An-Nur telah menjadi rakan utama di bawah Program Pembiayaan Mikro iTEKAD yang menyokong usahawan mikro daripada golongan asnaf dan B40. Pada tahun 2025, Waqaf An-Nur telah memperuntukkan sebanyak RM150,000 kepada Sadaqa House bagi memperkuuh inisiatif ini.

Lanjutan usaha sama strategik kedua-dua pihak, Bank Islam hari ini menyerahkan dana zakat bernilai RM47,000 kepada Klinik Waqaf An-Nur Pasir Gudang. Dana ini akan digunakan untuk pembelian sebuah mesin *Auto Dialyser Reprocessor* yang membantu meningkatkan kapasiti penggunaan daripada enam ke dua belas pesakit dan suntikan Epoetin (EPO) yang membantu rawatan anemia pesakit dialisis dalam kalangan asnaf untuk tempoh lima hingga enam bulan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Dato' Mohd Muazzam Mohamed menyerahkan zakat berkenaan kepada Ketua Eksekutif Waqaf An-Nur, Bukhari Abd Rahman dalam satu majlis ringkas yang diadakan di sini hari ini.

Klinik Waqaf An-Nur Pasir Gudang telah memberi khidmat kepada lebih satu juta pesakit, dengan struktur yuran minimum sebanyak RM10 bagi lawatan klinik dan RM130 bagi sesi dialisis, menjadikannya pusat kesihatan penting bagi komuniti setempat. Klinik dan pusat dialisis yang beroperasi dengan tenaga kerja seramai 30 orang ini mengendalikan 24 mesin dialisis dan merawat kira-kira 100 pesakit tetap setiap bulan.

Bank Islam turut mengunjungi Tapak Projek Waqaf Tani Komuniti di Blok 12, RSK Taman Cendana II, Johor Bahru. Projek yang dimulakan pada Ogos 2023 ini bertujuan membantu peserta di kalangan suri rumah B40 dan asnaf melalui pertanian fertigasi dengan tumpuan kepada tanaman bernilai tinggi seperti cili api centil serta sayur-sayuran seperti bak choy, kangkung, bendi, terung dan cendawan di atas tapak seluas 5,000 kaki persegi.

Produk nilai tambah seperti cili jeruk dan serunding cendawan turut dihasilkan dan dijual oleh kalangan suri rumah dan penghuni rumah pangsa berkenaan.

Bank Islam menyokong projek ini dengan dana sebanyak RM6,000, manakala kos operasi ditanggung sepenuhnya oleh Waqaf An-Nur. Projek ini juga menggunakan sistem tадahan air hujan untuk fertigasi, menjadikannya mesra alam dan kos efektif.

Projek Waqaf Tani Komuniti yang berkonsepkan Waqaf Tali Pancing ini bukan sahaja menjana pendapatan, malah menyumbang kepada aspek keselamatan makanan, menghidupkan semula tanah terbiar, membina kemahiran keusahawanan dan pertanian, serta memupuk gaya hidup sihat. Ia menjadi model teladan bagi komuniti lain yang ingin mencapai pemerkasaan sosioekonomi yang mampan.

Mohd Muazzam berkata, "Suntikan dana daripada Waqaf An-Nur ke dalam model kewangan Islam Bank Islam memberi peluang kepada usahawan mikro untuk meningkatkan mobiliti dan kapasiti mereka dalam mengembangkan perniagaan melalui pembiayaan iTEKAD. Ini secara langsung memperluas keterangkuman kewangan kepada komuniti yang sebelum ini kurang mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan."

"Bank Islam dan Waqaf An-Nur berkongsi matlamat yang sama untuk membangunkan segmen masyarakat yang kurang berkemampuan melalui instrumen kewangan sosial Islam. Oleh itu, kami amat menghargai kerjasama ini dan berharap agar dapat memperluaskan lagi manfaat yang terhasil bagi kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya."

Sementara itu, Bukhari berkata, "Kerjasama dengan Bank Islam membuktikan bahawa wakaf korporat boleh dimanfaatkan secara strategik untuk menyokong pembangunan ekonomi komuniti. Kami percaya bahawa melalui platform seperti Sadaqa House, manfaat wakaf dapat disalurkan secara berkesan untuk memberi impak berpanjangan sekali gus memperluas potensi golongan yang layak."

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam lebih 130 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulus, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my).

**Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.**

**Mengenai Waqaf An-Nur**

Waqaf An-Nur Corporation Berhad (Waqaf An-Nur) merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer dan dilantik sebagai Nazir Khas oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor yang pada awalnya untuk menguruskan aset atau saham yang diwakafkan oleh Johor Corporation. Waqaf An-Nur yang beroperasi berlandaskan maqasid syariah kini lebih inklusif dengan membuka peluang kepada orang ramai untuk berwakaf melalui program Hibah Lil Waqaf, pelaburan unit Amanah Dana PMB An-Nur Waqf Income Fund dan pewakafan yuran keahlian. Untuk maklumat lanjut mengenai Waqaf An-Nur, layari [waqfannur.com.my](http://waqfannur.com.my).